

TARIKH : 17 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA : 22
SURAT

OPR Turun Ansuran Naik

22

www.hmetro.com.my

@hmetronomy

HarianMetro

@hmetronomy

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri
kartika@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Kadar Dasar Semalaman (OPR) kebiasaannya memberi kelegaan kepada peminjam kerana ia berpotensi menurunkan ansuran bulanan namun sebahagian pengguna kini berdepan situasi berbeza apabila bayaran pembiayaan mereka meningkat sehingga RM200 sebulan.

Penomena ini mencerminkan bagaimana faktor kos operasi bank dan struktur produk pinjaman turut mempengaruhi kadar ansuran selain perubahan OPR semata-mata.

Pensyarah Kanan Ekonomi dan Perbankan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Faisol Ibrahim berkata, keadaan ini berlaku kerana terdapat faktor lain yang mempengaruhi kos pinjaman selain perubahan OPR.

"Secara teori penurunan OPR memberi kesan kepada Kadar Asas (BR), Kadar Pinjaman Asas (BLR) dan Kadar Pembiayaan Asas (BFR), sekali gus sepatutnya mengurangkan bayaran bulanan peminjam.

"Apabila kadar ini turun, bayaran bulanan sepatutnya berkurang dan pelanggan biasanya akan menerima notifikasi rasmi daripada bank," katanya.

Beliau mengulas mengenai aduan segelintir pengguna yang mendapati ansuran mereka meningkat selepas penurunan OPR.

Beliau berkata, jika penurunan OPR tidak diter-



PENGUNA kini berdepan situasi berbeza apabila bayaran pembiayaan meningkat sehingga RM200 sebulan.

KOS OPERASI BANK SEMAKIN TINGGI

OPR TURUN ANSURAN NAIK

jemahkan kepada pengurangan ansuran, pengguna perlu segera berhubung dengan pihak bank untuk mendapatkan penjelasan.

"Peminjam juga perlu menyemak semula terma dalam kontrak pembiayaan masing-masing.

"Jika terdapat caj tambahan atau kenaikan yang tidak dinyatakan, mereka berhak membuat aduan terus kepada Bank Negara Malaysia," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Faisol berkata, antara punca ansuran meningkat

meskipun OPR menurun adalah kos operasi bank yang semakin tinggi.

"Sebagai contoh, kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) mungkin menyebabkan bank mengenakan caj pemprosesan tambahan.

"Ada juga kemungkinan margin BLR dan BFR dinaikkan untuk memastikan bank kekal mencatat keuntungan dalam keadaan ekonomi mencabar," katanya.

Beliau menjelaskan, pelanggan perlu memahami

perbezaan antara pinjaman konvensional dan pembiayaan Islam.

"Dalam perbankan konvensional, kadar faedah adalah berubah dan tiada had tertentu dan apabila OPR naik, bayaran akan naik tanpa had.

"Sebaliknya, dalam perbankan Islam, ada pembiayaan dengan kadar tetap dan ada kadar berubah, malah untuk kadar berubah, biasanya ada had siling tertentu bagi melindungi pelanggan," katanya.